



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


12 DISEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 197 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 237,122 kes. Satu (1) kes kematian dilaporkan pada hari ini di daerah Keningau. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 335 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 227,760 orang. Manakala 1,042 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 526 orang di hospital, 507 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, tujuh (7) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara dan dua (2) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 48 orang merangkumi 46 di ICU/repurposed kritikal care serta dua (2) di open ward (HDW/kubikel akut) manakala 14 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit stage empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 40 (31.75%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning empat (4) daerah.
- Zon Jingga dua (2) daerah.
- Zon Merah 21 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Sabah mencatatkan jumlah kes harian terendah sejak 29 Jun 2021 dengan hanya 197 kes baharu hari ini, 90 kes lebih rendah daripada kelmarin.
- b. Beberapa daerah merekodkan penurunan kes baharu pada kadar yang agak besar. Kota Kinabalu turun 30 kes, Papar turun 20 kes, Ranau berkurangan 11 kes, Putatan turun 19 kes dan Tenom susut 7 kes. Walau bagaimanapun beberapa daerah lain mencatat kes harian yang lebih tinggi termasuk Tuaran yang menambah 17 kes (35) dan menjadi penyumbang tertinggi kes-kes baharu di Sabah hari ini. Kes-kes baharu di Kota Belud dan Penampang juga bertambah tetapi dalam jumlah yang kecil.
- c. Jumlah daerah yang tidak melaporkan sebarang kes baharu semakin bertambah. Hari ini 8 daerah mencatat sifar (0) kes dan 13 daerah mencatat jumlah kes baharu di bawah 10.
- d. Seramai 194 orang daripada 197 pesakit atau 98.48% kes yang dilaporkan hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2, tidak ada pesakit dalam Kategori 3 dan Kategori 5 dan seorang pesakit dalam Kategori 4. Dua (2) kes lagi masih dalam penilaian lanjut JKNS.
- e. Berdasarkan statistik kes seharian pada 11 Disember 2021, jangkaan kadar kebolehjangkitan COVID-19 atau R₀/RT bagi seluruh Negara ialah 0.97 manakala bagi negeri Sabah, 0.87.
- f. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (116) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	1	0.51%
2	Bergejala	67	34.01%
3	Kontak	116	58.88%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	13	6.59%
JUMLAH		197	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (11 Disember 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 11/12/2021	Catatan Kes 12/12/2021	Perbandingan
1	Tuaran	18	35	+17
2	Kota Belud	18	22	+4
3	Nabawan	1	5	+4
4	Penampang	16	19	+3
5	Keningau	5	8	+3
6	Tambunan	4	5	+1
7	Sipitang	2	3	+1
8	Beaufort	7	7	Mendatar
9	Kuala Penyu	6	6	Mendatar
10	Semporna	0	0	Mendatar
11	Kunak	0	0	Mendatar
12	Kalabakan	0	0	Mendatar
13	Kota Kinabalu	57	27	-30
14	Papar	37	17	-20
15	Putatan	19	0	-19
16	Ranau	33	22	-11
17	Tenom	12	5	-7
18	Kota Marudu	8	2	-6
19	Kinabatangan	6	0	-6
20	Sandakan	12	7	-5
21	Tawau	7	3	-4
22	Pitas	5	1	-4
23	Beluran	4	1	-3
24	Telupid	3	0	-3
25	Kudat	4	2	-2
26	Lahad Datu	2	0	-2
27	Tongod	1	0	-1
JUMLAH		287	197	-90

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (28 November – 11 Disember)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Tuaran	0	28	7	0	0	35	580
Kota Kinabalu	0	18	7	0	2	27	756
Ranau	1	7	13	0	1	22	298
Kota Belud	0	16	6	0	0	22	316
Penampang	0	6	10	0	3	19	365
Papar	0	13	4	0	0	17	298
Keningau	0	4	4	0	0	8	198
Sandakan	0	5	1	0	1	7	126
Beaufort	0	5	2	0	0	7	237
Kuala Penyu	0	2	3	0	1	6	132
Tenom	0	2	2	0	1	5	158
Tambunan	0	3	2	0	0	5	69
Nabawan	0	5	0	0	0	5	9
Sipitang	0	1	2	0	0	3	70
Tawau	0	0	1	0	2	3	65
Kota Marudu	0	0	1	0	1	2	173
Kudat	0	1	1	0	0	2	105
Pitas	0	0	0	0	1	1	75
Beluran	0	0	1	0	0	1	47
Putatan	0	0	0	0	0	0	206
Kinabatangan	0	0	0	0	0	0	131
Telupid	0	0	0	0	0	0	33
Lahad Datu	0	0	0	0	0	0	55
Tongod	0	0	0	0	0	0	25
Kunak	0	0	0	0	0	0	5
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	6
Semporna	0	0	0	0	0	0	7
JUMLAH	1	116	67	0	13	197	4,545

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Ranau	Kluster Debut Timbua	1
	Jumlah	1

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

- 7 Jumlah kapasiti katil 4,362 unit
- Hospital 1,321 unit.
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,851 unit.
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
 - Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 23.89%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 12 DISEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	197
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	0
Jumlah	197

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	194
Bukan Malaysia	3
Jumlah	197

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	43
Belum Menerima Vaksin	17
Menerima 1 Dos	2
Lengkap 2 Dos	131
Dos Penggalak	4
Jumlah	197

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	3
1 to 5	21
6 to 11	19
12 to 17	12
18 to 25	26
26 to 59	94
>60	22
Jumlah	197

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 11 Disember 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 1,841 orang. Daripada jumlah ini, seramai 1,687 orang adalah penduduk dewasa dan 154 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 11 Disember 2021 adalah seramai 2,444,433 orang. Ini meliputi 2,109,200 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.46% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,396,840 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,087,360 orang atau 75.67% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 335,233 orang atau 77.24% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 309,480 atau 71.31% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **679,776** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 9,089 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 35 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 120 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 43 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.

- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 1,653 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak dua (2) notis dikeluarkan pada hari ini iaitu di Daerah Keningau. Tiada kompaun dikeluarkan pada hari ini.
 - ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 425 premis perniagaan dan 9222 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 230 Premis Perniagaan melibatkan 141 anggota APM. Satu (1) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 111 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tiga (3) premis, melibatkan tiga (3) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 62 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di empat (4) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 91 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.6%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kota Kinabalu	98.7%
2	Lahad Datu	98.6%
3	Papar	98.6%
4	Penampang	98.6%
5	Tenom	98.6%
6	Kudat	98.6%
7	Sipitang	98.6%
8	Kota Belud	98.6%
9	Sandakan	98.6%
10	Tawau	98.6%
11	Kinabatangan	98.6%
12	Kota Marudu	98.6%
13	Beaufort	98.6%
14	Keningau	98.6%
15	Ranau	98.5%
16	Tuaran	98.5%
17	Semporna	98.5%
18	Kunak	98.5%
19	Beluran	98.5%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**